

03 JUN 1998

KELAB KAPAL LAYAR LANGKAWI TARIK ANGGOTA BARU/I

LANGKAWI, 3 Jun (Bernama) -- Langkawi Yacht Club Bhd yang berharga RM12 juta sedang berusaha secara agresif menarik anggota baru sempena pelancaran rasminya sama ada pada September atau Disember ini.

Pengerusinya, Tunku Abdullah berkata kelab kapal layar itu yang menawarkan pemandangan yang indah dan kemudahan berlabuh mensasarkan 250 anggota baru untuk menyertai 24 anggota pengasas mengandungi pemimpin korporat utama tempatan.

"Kami berharap untuk menjemput Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Queen Elizabeth dari Britain bagi memastikan pembukaan rasmi memberikan impak yang positif," katanya kepada pemberita di sini.

Kelab itu dimiliki 70 peratus oleh Nilam Timur Sdn Bhd yang mana Tunku Abdullah adalah pengerusinya manakala 30 peratus lagi dipegang oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Beliau berkata, sebelum ini, kelab itu berfungsi seperti sebuah syarikat dan bukan sebuah kelab bagi memasti semua persediaan diatur untuk upacara perasmian nanti.

Terdapat rancangan untuk menarik pelancong asing menggunakan kelab itu di mana mereka boleh melabuhkan kapal layar mereka dan membayar pas sehari RM5 untuk menggunakan kemudahan itu.

Kadar bayaran untuk menjadi anggota kelab itu ialah RM 30,000 untuk sektor korporat dan RM 28,000 untuk individu manakala satu lagi kategori keanggotaan ialah untuk pemastautin Langkawi iaitu RM 10,000 untuk korporat dan RM 8,000 untuk individu.

Tunku Abdullah juga berkata bagi anggota korporat RM 30,000 urusan boleh dibuat dengan syarikat-syarikat kewangan membenarkan mereka membuat bayaran secara ansuran.

Kelab kapal layar itu boleh menampung anggota antarabangsa kerana ia bergabung dengan sebuah kelab serupa di luar negara.

-- BERNAMA

NH WAT